

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 11 RABU 2 JUN, 1965 1385 رابو 2 صفر PERCHUMA

SAMBUTAN HARI JADI ASKAR MELAYU BRUNEI:

D. Y. M. M. MENGISHTIHARKAN



Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang London pada masa ketibaan Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri, serta Putera-Puteri Baginda2 dan rombongan dari Brunei pada pertengahan bulan Mei yang lalu.

4 ORANG MENTERI2 MUDA Akan Di-Lantek Di-Bawah Sistem Kementerian Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan melantek empat orang Menteri2 Muda di-bawah Sistem Kementerian Kerajaan untuk Brunei dalam bulan Jun ini.

Keputusan tersebut ia-lah hasil dari perundingan yang telah diadakan di-London pada 27 Mei, 1965 di-antara Duli Yang Maha Mulia dengan Setia Usaha Perhubungan Komonwealth, Awang Arthur Bottomley.

Duli Yang Maha Mulia akan mengumomkan nama2 Menteri2 Muda itu di-antara-nya ia-lah Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di-pilih oleh ra'ayat menerusi pilehan raya, sa-belum 7 Jun, 1965. Demikian menurut sa-puchok kawat yang di-kirimkan dari London oleh sa-orang wartawan Radio Brunei.

Wartawan itu berkata bahawa

(Lihat Muka 5)


PENUKARAN NAMA BARU A.M.B. SEBAGAI ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI

BERAKAS — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang menjadi Pegawai Pemerintah Tertinggi, Askar Melayu Brunei, telah mengishtiharkan penukaran nama baru Askar Melayu Brunei sebagai **ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI**, di-Istiadat Perbarisan Hari Jadi Askar Melayu Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Isnin 31 Mei, 1965.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-beri-kan Tabek Di-Raja pada masa Baginda tiba di-Istiadat Perbarisan itu, sambil Panji2 Peribadi Baginda pun di-kibarkan. Kemudian Baginda pun memereksa perbarisan tersebut, dengan di-iringi oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Kolonel D. M. Fletcher.

Turut hadir di-Istiadat Perbarisan tersebut ia-lah Pegawai Pengarah Gerakan Tentera di-Wilayah2 Borneo, Major General G. H. Lea; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Chateria2; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud; Setia

(Lihat Muka 5)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang menjadi Pegawai Pemerintah Tertinggi, Askar Melayu Brunei kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda memereksa Perbarisan Hari Jadi Askar Melayu Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Isnin 31 Mei, 1965. Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Kolonel D.M. Fletcher, kelihatan di-kiri sekali dan di-belakang Baginda ia-lah Kapitan Duncan, Juruiring Tentera kapada Duli Yang Maha Mulia.

JIKALAU KITA HENDAK HIDUP DI-ZAMAN SAINS INI AMAT-LAH PERLU-NYA KITA MEMAHAMI PERIHAL

- Kata Pemangku S.U.K. Awang Mohamed Taib

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar berkata bahawa dengan ada-nya Seminar Sains yang telah di-langsungkan di-sini baharu2 ini, berarti "ahli2 perwakilan yang bijaksana sekalian telah menyedari betapa perlu-nya sains itu dalam kehidupan kita, kerana boleh-lah di-katakan bahawa 'Sain' erti-nya 'Kemajuan' — kemajuan dalam kesihatan, teknologi, material dan sa-umpama-nya".

Awang Mohamed Taib berkata sademikian sa-belum beliau merasmikan pembukaan Seminar Sains di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Selasa 18 Mei, 1965.

Seminar Sains itu telah di-mulai pada hari tersebut dan telah tamat pada petang hari Khamis 20 Mei. Ramai Guru2 Sains dari Maktab2 dan Sekolah2 di-Negeri Brunei telah mengambil bahagian dalam Seminar Sains tersebut.

Seminar Sains itu telah di-adakan di-bawah dokongan Jabatan Pelajaran Brunei, berikutan dengan kehadiran Wakil2 dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Perjumpaan

Ahli2 Sains yang telah berlangsung di-Manila dalam bulan Disember tahun 1964.

Perjumpaan tersebut di-adakan di-bawah lindongan Gabungan Persekutuan Guru2 Sadunia yang Persekutuan Guru Melayu Brunei menjadi ahli-nya dan di-arahkan bagi membina dan membuat sokongan atau nasehat mengenai rancangan2 bagi memperbaiki atau menyempurnakan Pengajaran Sains di-Darjah2 Rendah dan Menengah Bawah dalam kawasan Asia.

Tujuan Seminar Sains Yang telah di-adakan di-Brunei baharu2 ini pula, di-samping hendak menilai kemajuan dan perkembangan2 Pengajaran Sains

dalam negeri ini, ia-lah hendak memperluaskan sokongan2 atau nasihat2 Perjumpaan Sains di-Manila itu kepada Guru2 di-Sekolah2 di-kawasan ini.

Dalam ucapan beliau tersebut, Awang Mohamed Taib berkata, kemajuan itu juga meliputi kemajuan dalam kecheputan — chepat dalam perjalanan, chepat dalam perhubungan dan chepat dalam so'al memusnahkan musuh2 kita; sama ada ma'anusia, tanam2an mahu pun binatang.

Pendek kata, Sains dalam erti-kata kemajuan ini, ada-lah di-katakan tidak mempunyai sempadan. Sama-ada di-bumi, mahu pun di-langit, bulan atau pun matahari dan kejadian2 yang silam, mahu pun yang akan datang; semua-nya di-liputi oleh Sains.

Jika sekira-nya kita hendak hidup dalam "ZAMAN SAINS" ini, pada praktik sa-mesti-nya-lah kita berhidup demikian, amat-lah perlu-nya bagi kita semua memahami sa-banyak sedikit perihal Ilmu Sains yang luas ini.

Alhamdulillah, pada hari ini para perwakilan yang bijaksana semua dengan sa-sungguh2-nya melaksanakan kesedaran dan kesanggupan yang berchorak kemajuan ini, demi kepentingan bangsa dan Tanah Ayer Kita.

Awang Mohamed Taib selanjut-nya berkata bahawa jika di-tilek dari susunan Seminar Sains itu, beliau menguchapkan tahniah yang sa-



Awang Mohamed Taib

tinggi2-nya kepada para penaja dan peserta2 sekalian kerana tajok2 seminar itu, bukan sahaja berchorak luas, bahkan juga mementingkan kehendak2 negeri kita hari ini.

Oleh itu, beliau telah menyeru kepada ahli2 perwakilan Seminar Sains tersebut supaya "berhati2-lah dalam melaksanakan tugas Awang2 dan Dayang2 semua — tugas yang berchorak Sains atau "Scientific" itu.

Awang Mohamed Taib berharap sa-moga biar-lah tugas tersebut itu di-jalankan dengan semangat yang penoh dengan azam — senantiasa berazam untuk menyelideki, tetapi bukan berhent.

Pengajaran Sains di-adakan dengan baik-nya di-Sekolah2 Menengah di-Brunei - Kata P.P.N. Awang MacInnes

BANDAR BRUNEI. — Pengajaran Sains telah di-adakan dengan baik-nya di-Sekolah2 Menengah di-Brunei dan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dapat di-lihat Makmal2 Sains yang telah di-lengkapkan dengan perkakas2 yang moden seperti di-Makmal2 Sekolah di-Asia. Demikian kata Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes, ketika beruchap di-majlis Pembukaan Rasmi Seminar Sains di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada 18 Mei 1965.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang MacInnes berkata para hadirin di-majlis itu sudah mengetahui bahawa suatu Persidangan Sains telah di-adakan di-Manila pada bulan Disember tahun 1964.

Persidangan itu telah di-kekalkan oleh Persekutuan Guru2 Sa-Dunia (W.C.O.T.P.) dan telah di-adakan untuk mengkaji Pengajaran Sains di-Sekolah2 Rendah dan Sekolah2 Menengah-Bawah. Dengan pengelolaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, tiga orang Guru2 dari Brunei telah di-hantar untuk menghadiri Persidangan itu.

Maka dari Persidangan tersebut itu-lah timbul-nya satu fikiran bahawa suatu Seminar Sains patut di-adakan di-Brunei pada masa chuti Sekolah Penggal Pertama.

Seminar itu di-adakan dengan dua tujuan yang muktamad, ia-itu bagi menyampaikan sokongan2 yang di-dapati dari Persidangan Sains itu kepada Guru2 di-Brunei dan memberikan mereka peluang untuk membina-changkan bagaimana sokongan2

itu dapat di-gunakan sa-bagai perhubungan dalam sekolah2 di-Brunei, kata beliau.

Seterus-nya beliau berkata, "Ini ia-lah kali pertama-nya Seminar seperti ini di-adakan di-Brunei dan juga saya fikir ia-lah perjumpaan yang pertama di-adakan di-dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Saya berasa penoh sukachita ia-itu Guru2 daripada semua Sekolah2 di-Brunei dapat mengambil bahagian dalam Seminar ini dan saya sa-sungguh-nya berharap bahawa ini-lah yang pertama dari perkumpulan2 seperti ini yang mana Guru2 Sekolah yang mempunyai bahasa yang berlainan datang bersama untuk berfikir dan mencari penyelesaian bagi masa'alalah yang biasa di-tempohi di-Sekolah2 di-Brunei ini.

Kita terpaksa mengakui bahawa banyak lagi yang hendak dan mesti di-buat bagi membaiki Pelajaran Sains dalam Darjah2 Rendah. Saya berharap Seminar ini akan memberi ke-utamaan sa-bagai gambaran petunjuk2 supaya Pengajaran Sains sa-sungguh-nya benar terlaksana di-peringkat2 rendah.

Sains di-darjah2 peringkat rendah dapat di-ajarkan dengan berkesan dan tidak payah menggunakan perkakas yang berharga seperti Awang2 dan Dayang2 lihat di-Makmal Sains di-Sekolah ini.

Kanak2 biasa-nya ingin mengetahui mengenai benda2 yang mereka lihat di-sekeliling mereka — seperti tumbuhan2, binatang2, langit, awan dan alat2 mesin. Kegemaran yang lazim ini boleh di-pandu dengan mengadakan perhubungan2 yang mudah, menggunakan bahan2 yang mudah boleh di-dapati di-rumah dan di-kampung2, kapada fahaman asas konsep2 saintifik".

Awang MacInnes telah menguchapkan terima kasih kepada Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Jawatan Kuasa Pusat dan Guru2 Sains Maktab S.O.A.S. terhadap usaha mereka bagi mengadakan Seminar Sains itu dengan jaya-nya.

Bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei, beliau telah menguchapkan terima kasih kepada Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar kerana sudi hadir di-majlis tersebut dan juga untuk merasmikan Pembukaan Seminar Sains itu. Turut memberikan ucapan di-majlis Pembukaan Rasmi Seminar Sains itu ia-lah Chegu Abdul Wahab bin Mohamed selaku Wakil dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei; oleh Pengerusi Seminar Sains itu, Awang S. Thangarajah dan oleh Setia Usaha Seminar Sains itu Awang Balwant Singh Lalia.

SAMPAI-LAH SUDAH MASA-NYA

Chegu Abdul Wahab berkata dalam ucapan beliau di-majlis tersebut bahawa amat-lah sesuai dan sampai-lah sudah masa-nya usaha mengadakan Seminar Sains itu di-adakan pada julong2 kali di-negeri ini.

Seminar Sains itu, kata beliau, ada-lah sesuai dengan kemajuan dan perkembangan Negeri Brunei pada masa sekarang, terutama dalam hal pendidekan.

Chegu Abdul Wahab berkata lagi bahawa Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah memberi bantuan dan menyayakan Perwakilan P.G.G.M.B. untuk meng-hadhiri Perjumpaan Pakar2 Sains di-Manila pada penghujung tahun lepas.

Bagi pehak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Chegu Abdul Wahab berharap samoga hasil daripada Seminar tersebut, akan dapat mengatasi kelemahan Pengajaran Sains di-Sekolah2 Melayu yang P.G.G.M.B. perchaya Pelajaran Sains itu ada-lah salah satu daripada mata pelajaran yang mustahak di-pelajari dan akan menabur benih kepada anak2 didekan di-negeri ini, terutama kepada Guru2 yang berkenaan.

Beliau juga berharap mudah2an dengan ada-nya Seminar itu akan menjadi salah satu dorongan untuk menchapai kemajuan2 yang benar berfaedah untuk keseluruhan-nya di-negeri ini yang serba kekurangan dalam segi Ilmu Pengetahuan demi pembangunan negara dan ra'ayat di-negeri ini.

Awang S. Thangarajah berkata dalam ucapan beliau di-majlis Pembukaan Rasmi Seminar Sains tersebut bahawa Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, telah sempat meninggalkan "sa-patah dua kata".

Surat beliau berbunyi, "Saya perchaya dan saya berdo'a moga2 Seminar ini akan mendapat sambutan baik, berjaya menemui matalamat yang di-kehendakki dan saya mengambil kesempatan menguchapkan tahniah dan selamat berjaya".

Awang Balwant Singh Lalia pula telah berkata bahawa kerja sa-orang Guru itu ada-lah sukar dan kewajipan itu menghendakki perkhidmatan yang jujur dan tulus ikhlas.

Akan tetapi, kata beliau, beban itu dapat di-ringkakan apabila sa-orang Guru itu memahami bahawa perkhidmatan-nya kepada sa-orang murid ada-lah juga perkhidmatan kepada diri-nya sendiri.

KELAS2 PELAJARAN DEWASA

BANDAR BRUNEI. — Mulai 16 Jun, 1965, Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa Melayu akan mengadakan beberapa buah Kelas2 Pelajaran Dewasa untuk memberi peluang kepada orang2 yang ingin mendapatkan Ilmu Pengetahuan melalui kelas2 dewasa.

Kelas2 dewasa yang akan diadakan itu ia-lah:

(a) PELAJARAN MENENGAH.

- Tujuan Kelas ini di-adakan ia-lah memberi peluang kepada orang2 yang hendak memperoleh Sijil Pelajaran Menengah Rendah (L.C.E.) atau Sijil Menengah Atas (F.M.C.) dan sa-umpama-nya.
- Yang di-terima memasoki kelas ini ia-lah orang2 dewasa laki2 atau perempuan yang mempunyai asas pengetahuan membolehkan ia mengikuti kelas ini dan menunjukkan keterangan2 bertulis yang ia-nya boleh memasoki mana2 Darjah atau Tingkatan yang di-tetapkan.
- Bagi permulaan ini hanya

- akan di-sediakan bagi Darjah VI Tingkatan I, II dan III. Pelajaran2 yang akan di-ajar-kan ia-lah Bahasa Melayu (termasuk Sastera) Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ram- paian Sains, Ilmu Alam, Tawarikh dan Lukisan. Ini di-jangka akan membolehkan pelajar2 dalam Tingkatan III (Form III) memasoki Peperiksaan Sijil Pelajaran Menengah Rendah (L.C.E.) pada tahun 1966.
- Bayaran memasoki peperiksaan Sijil Pelajaran Menengah Rendah (L.C.E.) dan sa-umpama-nya akan di-tanggung oleh pelajar2 sendiri.
- Buku2 Pelajaran dan Ram- paian akan di-tanggung oleh

pelajar2 sendiri.
vi. Kelas ini hanya akan di-ada-kan di-Bandar Brunei dan Seria sahaja.

(b) URUSAN RUMAH TANGGA

Kelas ini akan menyediakan pelajaran bagi kaum wanita chara2 mengurus rumah tangga, termasuk-lah masak2an, jahitan dan sa-umpama-nya.

Bagi permulaan, kelas ini hanya akan di-adakan di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait.

(c) ILMU MENYIMPAN KIRA2 (BOOK KEEPING)

Kelas ini hanya akan di-adakan di-Bandar Brunei.

Memasoki kelas2 tersebut tidak di-kenakan bayaran.

Borang2 pendaftaran kerana

memasoki kelas2 tersebut boleh di-dapati di-tempat2 ini:

(a) Borang Memasoki Kelas Dewasa Pelajaran Menengah:

- Pejabat Pelajaran, Brunei,
- Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.
- Pejabat Pelajaran Kuala Belait.
- Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

(b) Urusan Rumah Tangga:

- Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, B. Brunei.
- Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.
- Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

(c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book Keeping):

Pejabat Pelajaran, Brunei.
Borang2 permohonan hendak-lah di-serahkan balek ka-tempat2 yang tersebut pada atau sa-belum 12 Jun, 1965.

Peraduan Melukis Poster Minggu Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Melukis Poster Minggu Pelajaran 1965 anjoran Jabatan Pelajaran Brunei telah di-adakan baharu2 ini.

Peraduan tersebut terbuka kepada murid2 Sekolah2 Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; Ahmad Tajuddin, Kuala Belait; Muda Hashim, Tutong dan Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Lebeh dari 200 keping poster telah di-pertandingkan dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Pertama - Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali, Tahun II H, Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Kedua - Awang Ismail bin Bolhassan, Tahun II A, Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Pemenang Ketiga - Awang Husain bin Bolhassan, Tahun



Ini-lah gambar Poster Minggu Pelajaran yang mendapat hadiah pertama dalam peraduan melukis poster tersebut. Poster ini ia-lah hasil lukisan Pelukis Muda Awangku Sulaiman bin Pengiran Metali, sa-orang penuntut Tahun II H, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Brunei.

II A, Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

RATU TRENGKAS 1965

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei dalam mashuarat Jawatankuasa-nya yang telah bersidang pada 14 Mei, 1965 telah memutuskan untuk mengadakan berbagai2 aneka persembahan bersempena menyambut perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan yang ke-49.

Tempat mengadakan boleh jadi di-Dewan Kemasharakatan, masa-nya ia-lah malam penghabisan dari achara2 perayaan lain-nya.

Tiap2 penuntun akan di-kenakan bayaran masuk sebanyak satu ringgit pukol rata. Wang ini ada-lah sebagai kutipan untuk Tabong Persatuan Trengkas Melayu Brunei.

Antara achara2 yang akan dipersembahkan ia-lah lawak jenaka, penyanyi2 undangan, Tablo, Sandiwara Pentas, tari2an kebudayaan timor, Peraduan pakaian wanita untuk merebut gelaran sebagai "Ratu Trengkas 1965" dan lain2 lagi.

Wanita2 di-seluruh tanah ayer ada-lah di-jemput supaya menyertai Peraduan ini untuk merebut gelaran "Ratu Trengkas 1965".

Hadiah2 istimewa akan diberikan bagi pemenang2 yang perama hingga kelima.

Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan ini, sila-lah mendaftarkan nama dari sekarang sama ada berjumpa atau mengirim surat kepada Pengurus Peraduan Ratu Trengkas, Dayang Marhani bte. Abd. Latif, Pejabat Kebajikan Masharakat Brunei, tidak lewat daripada 20 September 1965.

Memasoki dalam peraduan ini tidak di-kenakan apa2 bayaran.

Jadual Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut ada-lah seperti berikut:

Hari Juma'at 4 Jun: Dari 11 pagi ka-12.30 tengah hari — (i) Masjid Kampong Sungai Hanching, Brunei dan (ii) Masjid Kampong Pudak, Brunei.

Hari Juma'at 11 Jun: Dari 11 pagi ka-12.30 tengah hari — (i) Masjid Kampong Birau, Tutong dan (ii) Masjid Berbunut, Temburong.

Hari Juma'at 18 Jun: Dari 11 pagi ka-12.30 tengah hari — (i) Masjid Kampong Batu Marang,

Brunei dan (ii) Masjid Kampong Layong, Tutong.

Hari Ahad 27 Jun: 2 petang Kampong Angrek Desa, Kampong Pulaie dan Kampong Delima Satu, Berakas bertempat di-Sekolah Melayu Angrek Desa, Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-persilakan ka-tempat2 dan pada tarikh dan masa tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam Yang Maha Suchi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Jun hingga ka-hari Selasa 15 Jun, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2		12.24	3.44	6.34	7.46	3.37	4.52	6.06
3		12.25	3.45	6.35	7.47	3.37	4.52	6.06
4		12.25	3.45	6.35	7.47	3.37	4.52	6.06
5		12.25	3.45	6.35	7.47	3.37	4.52	6.06
6		12.25	3.45	6.35	7.47	3.37	4.52	6.06
7		12.25	3.45	6.35	7.47	3.37	4.52	6.06
8		12.25	3.45	6.36	7.48	3.37	4.52	6.06
9		12.25	3.45	6.36	7.48	3.37	4.52	6.06
10		12.26	3.46	6.36	7.48	3.37	4.52	6.07
11		12.26	3.46	6.36	7.48	3.37	4.52	6.07
12		12.26	3.46	6.37	7.49	3.37	4.52	6.07
13		12.26	3.46	6.37	7.49	3.37	4.52	6.07
14		12.26	3.46	6.37	7.49	3.37	4.52	6.07
15		12.26	3.46	6.37	7.49	3.37	4.52	6.07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

KURSUS PEMIMPIN2 BELIA SELUROH NEGERI BRUNEI:**Pengerusi J. K. Kursus Awang Haji Md. Zain Mengucapkan Terima Kaseh Kapada Kerajaan Atas Usaha Membimbing Belia Ka-arrah Pembangunan****Angkatan Yang Sedar Yang Mewakili Zaman-nya**

SERIA. — Kursus Pemimpin2 Belia dari Seluruh pelusok Tanah Ayer yang julong2 kali-nya di-adakan di-negeri ini telah berakhir pada 22 Mei, 1965 yang lalu dengan memperolehi kejayaan.

Kursus itu telah di-jalankan sa-lama sa minggu berturut2 mulai 15 Mei yang lalu bertempat di-Dewan Maktab Anthony Abell Seria, di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei.

Sambutan yang begitu memuaskan telah di-berikan oleh kira2 30 Persatuan2 Belia dari seluruh negara dan kira2 200 orang perwakilan termasuk 33 orang perempuan dari persatuan2 tersebut telah hadir di-sapanjang kursus itu berjalan.

Pada hari pertama Kursus Pemimpin2 Belia itu di-jalankan, pembukaan rasmi-nya telah di-lakukan oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun dengan memberikan ucapan2 yang berharga untuk panduan pemimpin2 belia itu.

Keseluruhan ucapan beliau itu telah menchiptakan satu kesimpulan yang harus di-sebatikan di-jiwa belia2 negeri ini yang di-sifatkan oleh Dato Seri Paduka Marsal sa-bagai satu angkatan yang memegang peranan penting untuk mengembang dan mengenalkan Brunei ka-mata dunia dalam berbagai2 segi.

Dato Seri Paduka Marsal berkata: "Tamaddun manusia telah maju berasing2 dengan bertambah-nya penggunaan kuasa tenaga. Dengan keperchayaan yang kuat bahawa semua manusia telah di-lahirkan sama rata, saya perchaya banyak kerja2 boleh di-buat di-negeri kita ini untuk meningkatkan taraf hidup ra'ayat supaya mereka boleh menikmati segala kesenangan".

Beliau menambah bahawa Zaman Atom ini akan menaikkan darjah kehidupan dan memberi peluang untuk mengambil bahagian yang lebeh banyak dalam lapangan seni kebudayaan dan rohani.

Beliau perchaya bahawa sa-bahagian besar dalam mengadakan jawapan terhadap chabaran zaman atom ini ada-lah terletak kepada sikap dan kelakuan pemuda pemudi di-seluruh dunia. Mereka mesti-lah mempelajari gaya hidup bersama2 yang saling mengerti di-antara satu dengan lain.

Dengan sa-kerat ucapan beliau itu, maka jelas-lah bahawa belia2 di-negeri ini ada-lah bertindak sa-bagai satu angkatan yang menyebarkan chermir penghidupan yang sempurna dengan tidak terpengaruh kepada anasir2 yang hendak memecah-belahkan perhubungan erat antara sa-sama sendiri.

Dato Seri Paduka Marsal menyatakan lagi, menjadi sa-orang pemuda atau pemudi mesti-lah dengan sa-berapa daya menggunakan sa-penoh2-nya segala peluang dan kemudahan yang tersedia untuk mempelajari ilmu kemasyarakatan dan kegunaan-nya bukan sahaja untuk faedah dan pengetahuan sendiri, akan tetapi untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Di-lapangan ilmu pengetahuan pula, beliau menasehatkan belia2 di-negeri ini supaya mempunyai semangat merendahkan diri dan keyakinan untuk menggunakan pengetahuan itu bagi faedah orang ramai, kerana pemuda pemudi yang berpelajaran boleh menolong meringankan beban ra'ayat walau di-mana2 pun.

Mengenai peradaban dan peribadi yang tinggi, beliau menekankan bahawa kedua2 faktor itu mesti-lah sentiasa berada di-sa-tiap tuboh-badan belia2.

Ini jelas-lah bahawa betapa penting-nya peradaban dan peribadi yang tinggi bagi sa-tiap belia2 yang di-sifatkan sa-bagai warga negara yang baik, berguna kepada Tanah Ayer Bangsa dan U gama sesuai dengan peradaban dan peribadi ketimoran kita.

Mengenai peranan pemimpin2 persatuan2 belia pula, beliau menegaskan bahawa tanggung-jawab yang berat ada-lah terletak diatas bahu mereka, kerana mereka sentiasa berhubung rapat dengan tiap2 orang ahli. Mereka boleh membuat dan menjalankan rancangan dengan sa-chara menerus.

Beliau menasehatkan pemimpin2 tersebut supaya ahli2 mereka mesti-lah di-latih menjadi warga negara yang berguna. Mesti-lah mereka mengadakan rancangan2 pergerakan kesehatan, kemasyarakatan, kebudayaan

dan sokan dan memasokkan perasaan tanggung-jawab kemasharakatan.

Di-segi matalamat gerakan persatuan2 belia, Dato Seri Paduka Marsal berkata bahawa tentu-lah tidak mudah untuk menentukan dalam lapangan apa-kah pergerakan pemuda pemudi patut bergerak.

Sungguhpun begitu, tegas beliau, perasaan malas berfikir dan bertindak tiada-lah tempat-nya untuk pemuda pemudi dalam zaman atom ini. Mereka mesti-lah hidup untuk menerima chabaran yang datang dan sentiasa bersedia untuk menghadapi-nya.

Mengenai perhatian berat Kerajaan terhadap pergerakan2 dan pertubuhan2 belia, beliau menegaskan bahawa ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan untuk memberi galakan, bantuan yang berpatutan dan lebeh2 lagi memberi pimpinan yang sa-wajar-nya kepada mana2 pertubuhan yang benar2 bergiat menurut garis undang2 yang di-luluskan.

Dari segi kewangan, beliau menyatakan, Kerajaan telah mengadakan peruntukan khas bagi kemajuan dan perkembangan pertubuhan2 belia dan masharakat.

Dengan kenyataan yang di-buat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu, maka akan jelas-lah untuk pengetahuan pemimpin2 belia di-negeri ini bahawa betapa penting-nya tugas mereka dan persatuan2 yang mereka pimpin yang sa-chara langsung mengambil peranan penting dalam membentuk negeri ini menuju ka-matalamat "aman dan makmor".

Sa-bagai pergerakan belia2, Kerajaan telah mengambil langkah dengan membuat peruntukan wang yang besar jumlah-nya bagi membina sa-buah bangunan untuk di-jadikan Pusat Belia yang akan di-bina di-Berangan, Jalan Kianggeh, Bandar Brunei tidak berapa lama lagi.

Dengan kemudahan2 yang akan di-bekalkan dan di-sediakan oleh Kerajaan itu, Dato Seri Paduka Marsal berharap supaya pemuda pemudi akan dapat menggunakan-nya dengan sa-baik2 tujuan bagi memperolehi kesejahteraan dan kesempurnaan belia berpersatuan untuk menjadikan diri sa-bagai ra'ayat yang mempunyai penoh timbang rasa dan ta'at setia kepada bangsa dan negeri, dalam menjaga kedaulatan, keamanan dan kema'moran yang halal di-segi undang2 dan peratoran negara.

Sa-bagai panduan Pergerakan Belia2 di-negeri ini, Seri Paduka Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha dalam sabda-nya telah mengingatkan belia2 bahawa tanggung jawab mereka ada-lah berat dan muskil.

"Tetapi dengah tabah hati dan bantu membantu antara satu dengan yang lain, sudah tentu akan meringankan bebanan dan melichinkan segala urusan dan semangat tola ankor juga hendak-lah di-amalkan dengan hati dan kepala yang terbuka", demikian ingatan yang di-berikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Sa-terus-nya, Yang Teramat Mulia itu mengingatkan supaya belia2 di-negeri ini sentiasa mempunyai hasrat dan niat yang suchi murni dalam menjalankan sa-suatu pekerjaan kebajikan, lebeh2 lagi dalam memberi pimpinan dalam perjalanan persatuan dan pergerakan2 belia.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha menambah, "Banyak perkara yang harus di-amal bahagian oleh belia2 dalam perkembangan dan kemajuan dan banyak pula perkara yang akan mendatangkan kerugian jika di-tempoh dengan kurang hati2".

Mengenai mas'alah ini, Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan menasehatkan belia2 supaya berhati2 dan jangan-lah segan2 untuk mengadakan atau mendapatkan buah2 fikiran dari sa-siapa juga yang berkenaan dan bertanggong-jawab.

Akhir-nya, Duli Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan menyeru seluruh belia di-pelusok tanah ayer supaya berwaspada, menanam dan mengamalkan semangat tola ankor dan bekerjasama dengan tabah dan suka-rela serta menyebarkan oleh2 mereka dalam kursus yang berharga itu.

Peri di-adakan kursus pemimpin2 belia yang julong2 kali itu, ada-lah terbit-nya dari kesedaran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara mengenai betapa penting-nya belia2 dalam sa-buah negara itu dan betapa mustahak-nya mereka di-beri pimpinan ka-arrah kesempurnaan penghidupan.

Kesedaran ini di-nayatakan oleh Awang Mohamad Salleh bin Haji Masri yang menekankan bahawa di-seluruh dunia baik apa bangsa sekali pun, masharakat belia ada-lah satu masharakat yang amat penting pada bangsa dan negara-nya.

Beliau menjelaskan, negara dan bangsa itu akan hidup maju dan jaya, aman dan tenteram, makmor dan bahagia dengan ada-nya belia2 yang sedar pada tanggung jawab mereka yang tidak izin melihat negara dan bangsa-nya purak-peranda, huru hara, miskin dan menderita.

Oleh yang demikian, tegas Awang Mohamad Salleh, mereka harus di-pimpin kepada jalan yang sa-benar-nya dan yang mustahak sa-kali mereka harus di-awasi supaya tidak dapat di-pengarohi oleh anasir2 jahat.

"Mereka juga harus di-awasi dari di-pengarohi oleh faham2 merosak dan menjahanamkan negara, terutama mereka jangan menjadi perkakas kepada satu golongan yang memen-tingkan diri", tegas beliau lagi.

(Lihat Muka 5)

**UTAMAKAN BAHASA
KEBANGSAAN -
BAHASA PERPADUAN**

D. Y. M. M. Selamat Kembali ka-Brunei Dari London

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta putera2 dan puteri2 Baginda telah selamat kembali ka-Tanah Ayer dari United Kingdom dengan kapal terbang pada tengah hari Ahad 30 Mei, 1965.

Baginda telah berangkat ka-United Kingdom pada 13 Mei, 1965 untuk mengadakan sambungan perundingan2 dengan Pegawai2 Kerajaan British mengenai shor bagi mengadakan kemajuan dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Turut bales ka-Brunei dengan kapal terbang dari United Kingdom pada tengah hari tersebut ia-lah beberapa orang Pegawai2 Kanan Kerajaan yang telah mengiringi Baginda ka-United Kingdom sa-bagai Penasihat2 dalam perundingan2 tersebut.

CHERAMAH SASTERA

KAMPONG ANGGREK DESA. — Ikatan Belia Berakas Brunei telah mengadakan satu majlis Cheraamah Sastera di-Sekolah Melayu Anggrek Desa, Berakas pada petang hari Juma'at 28 Mei, 1965.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Awangku Sabtu Pg. Mohammad Salleh.

Cheraamah berkenaan dengan Sajak telah di-berikan oleh Awang Abdul Hamid Jaluddin, manakala Awang Ahmad Arshad telah bercheraamah berkenaan dengan Derama Pentas dan Derama Radio.

Sa-lepas itu beberapa orang telah mengeluarkan so'alan2 kepada pencheraamah2 itu dan mereka telah menjawab semua so'alan2 itu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berchamar duli ka-Akadami Tentera Di-Raja di-Sandhurst semasa keberangkatan Baginda ka-United Kingdom baharu2 ini. Berdiri di-sabalah kanan Baginda dalam gambar ini ia-lah Brigadier A. J. Deane-Drummond, Penolong Pegawai Pemerintah Akadami tersebut dan di-sabalah beliau ia-lah Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.



Istiadat Berbaris Hari Jadi Askar Melayu Brunei

(Dari Muka 1)
Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pegawai2 Kanan Kerajaan dan Tentera; pembesar2 negara dan lain2-nya.

Dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia di-Istiadat Perbarisan tersebut, Baginda bertitah bahawa semenjak Askar

Melayu Brunei di-tubuhkan empat tahun dahulu, ia-itu pada 31 Mei, 1961, pasokan tentera itu telah menjalankan perkhidmatan2 yang memuaskan.

Tiga puluh satu haribulan Mei akan di-gelar dan di-ikuti sebagai HARI ASKAR dan satu Pingat Khas akan di-kurniakan kepada askar2 sebagai memperingati Hari Yang Bersejarah itu, titah Baginda.

Duli Yang Maha Mulia selanjutnya telah mengisytiharkan penukaran

gelaran dari Askar Melayu Brunei kepada Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Sebagai Pegawai Pemerintah Tertinggi, Askar Melayu Di-Raja Brunei, Baginda telah mengucapkan tahniah kepada Pegawai Pemerintah, Pegawai2 dan anggota2 pasokan askar itu terhadap perkhidmatan mereka yang berharga kepada negeri ini dan berharap sa-moga mereka akan menjalankan tugas2 bagi mempertahankan nama baik Negeri Brunei Darus Salam.

LANTEKAN MENTERI2 MUDA

(Dari Muka 1)
semasa di-adakan perundingan2 tersebut, kedua2 pihak telah juga menitik-beratkan kepada chadangon untuk mengadakan sa-buah parlimen yang berdemokrasi penuh untuk Negeri Brunei dengan saberaapa segera.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ada-lah memberikan pertimbangan terhadap kemajuan perlembagaan Negeri Brunei dan berharap sa-moga kesemua warga negara Brunei akan bekerjasama untuk melaksanakan kejayaan Sistem Kementerian itu.

Wartawan Radio Brunei juga berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia akan menganjurkan satu persidangan perlembagaan apabila sistem kementerian yang baharu itu berjalan dengan baik-nya.

Persidangan tersebut akan di-hadhiri oleh wakil2 dari semua peringkat pendudok2 Negeri Brunei, termasuk Ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat, untuk membuat shur2 bagi mengadakan pindaan2 dalam perjalan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang ada sekarang ini.

Menurut pindaan2 tersebut, Ahli2 yang di-pilih oleh ra'ayat akan di-

tambahkan dari 10 ka-20 orang dan mengurangkan bilangan ahli2 kerana jawatan ka-bilangan yang sa-habis rendah sekali bagi mengadakan sa-buah Kerajaan yang baik serta menghapuskan ahli2 yang di-lantek oleh Kerajaan.

Perundingan yang telah di-adakan di-antara Duli Yang Maha Mulia dengan Setia Usaha Perhubungan Komonwealth di-London juga telah membuat persetujuan untuk melantek sa-orang atau pun lebih dari Menteri2 Muda yang di-pilih itu sa-bagai Menteri2 dalam Majlis Mashuarat Menteri2.

Kursus Pemimpin2 Belia Seluruh Negeri Brunei

(Dari muka 3)

Menyentuh akan ucapan2 yang berupa nasehat itu, Pengurus Jawatankuasa Kursus, Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin telah mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia atas usaha membimbing belia2 ka-arrah pembinaan satu Angkatan Yang Sedar Yang Mewakili Zaman-nya ia-itu satu angkatan yang bertanggung jawab kepada tanah ayer, bangsa dan ugama.

Inti sari dari ucapan2 yang berupa mengemblem tenaga pemuda pemudi untuk menjadi warga negara yang baik dan berguna kepada tanah ayer, bangsa dan ugama, maka akhir-nya lahir-lah ikrar belia yang penuh dengan semangat ketabahan.

Pemimpin2 belia itu telah berikrar untuk menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Negeri Brunei dan akan berjalan di atas dasar Kerajaan yang menjamin hak-hak seluruh ra'ayat.

Mereka juga berikrar untuk berikhtiar mencari jalan ka-arrah persatuan2 antara pemuda pemudi dengan tidak mengira bangsa atau kepercayaan masing2.

Di-sepanjang kursus itu berjalan, mereka telah di-beri sharahan2 yang

penting seperti Undang2 dan Persatuan, Pulis dan Masharakat, Sejarah Brunei, Bahasa dan Sastera, Adat Istiadat Melayu, Ugama Rasmi, Tugas2 Belia Sekarang dan Persatuan Belia Yang Sa-benar-nya.

Pemimpin2 belia itu bukan hanya mendengar sharahan2 tersebut, tetapi mereka telah di-beri peluang dengan sa-luas2-nya untuk mengemukakan kemukilan masing2 dari segi2 yang tertentu yang tidak terkeluar dari sharahan2 yang telah di-berikan, yang bertujuan untuk mengatasi kelemahan2 persatuan2 belia.

Mereka juga telah di-berikan latehan yang chukup di-lapangan berbahas dan berpidato yang bertujuan supaya mereka tidak ragu2 ketika mengemukakan pendapat dan berucap di-khalayak ramai.

Kursus itu bukan hanya sa-kadar bertukar2 fikiran dan pendapat, tetapi mereka juga di-beri galakan supaya menchintai lapangan sokan dan ranchangan2 khas di-sabalah petang di-lapangan ini telah di-sediakan.

Bagitu juga hal-nya dengan perhubungan atau persahabatan antara satu dengan lain dan mereka di-beri latehan supaya tidak mengamalkan faham berkelompok dan puak, tetapi satu angkatan yang sedar akan tanggung-

jawab-nya terhadap bangsa, ugama dan tanah ayer.

Sa-telah kursus berlangsung selama tujuh hari, maka tiba-lah pada hari perpisahan antara pemimpin2 belia itu dan ucapan penutup kursus telah di-sampaikan oleh Pegawai Da'erah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail yang berupa nasehat kepada pemimpin2 belia itu supaya tidak mengabaikan kewajipan mereka.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Momin menyatakan bahawa persatuan2 belia ada-lah sa-bagai pusat mengasoh budi pekerti dan pusat untuk menyediakan diri bakal menjadi anggota masharakat yang berharga kepada negara, bangsa dan ugama.

Beliau mengingatkan pemimpin2 itu supaya tidak menjadikan persatuan2 mereka satu tempat untuk mengambil kesempatan dalam menchari 'keriaan' antara pemuda pemudi yang menjadi ahli2-nya.

Pengiran Momin menegaskan, kalau pemuda pemudi berbuat demikian, maka matalamat berdiri-nya persatuan belia akan menjadi hampa, sa-balek-nya akan meruntuhkan akhlak dan budi pekerti dan dari keruntuhan budi, maka runtuh-lah bangsa.

Mengenai Undang2 Persatuan dan Undang2 Ketenteraman dalam Negeri,

beliau menyatakan bahawa ada di-antara persatuan2 yang membuat kegiatan dengan sa-chara langsung membelakangkan kemahuan undang2 dan peratoran2 biasa yang telah di-tetapkan, tetapi apabila hendak di-amal tindakan, maka Kerajaan di-tuduh tidak bersifat demokratik.

Menjawab tuduhan ini, beliau menyatakan, Kerajaan tidak-lah bermaksud hendak menghalang segala kegiatan yang di-fikirkan membawa keuntungan kepada masharakat, asalkan kegiatan2 itu di-lakukan mengikut landasan undang2.

Beliau menjelaskan lagi, Kerajaan ada-lah sentiasa memberikan dorongan yang berpatutan untuk memberikan galakan yang wajar terhadap perkembangan2 gerakan belia di-negeri ini.

"Kursus pemimpin2 belia yang telah di-adakan itu ada-lah satu dorongan yang di-buat oleh pihak Kerajaan dengan melalui Jabatan Kebajikan Masharakat", tegas Pengiran Momin.

Akhir-nya, beliau berharap supaya kursus pemimpin2 belia itu akan membawa sinar baru dalam tindak tanduk perjuangan para belia untuk memperbaiki nasib bangsa, ugama dan negara.

HALAMAN PENERANGAN:

RA'AYAT YANG SEHAT ADA-LAH BERGUNA BAGI MEMBANGUN NEGARA

(Oleh Awang Mohamed Salleh Kadir)

BEBERAPA waktu yang lalu penduduk2 luar bandar terutama sekali ra'ayat yang diam di-pendalaman negeri mengalami kesusahan untuk mendapat perubatan.

Mereka terpaksa pergi ber-batu2 jauh-nya dan kadang2 sahingga beberapa jam dalam perjalanan baharu-lah sampai ka-sabua klinik atau rumah sakit.

Hal yang seperti ini tentu sekali merunsingkan penduduk2 di-pendalaman. Tetapi sekarang keadaan telah berubah. Mereka tidak berasa bimbang lagi.

Untuk meninjau dan menjaga kesehatan ra'ayat yang diam terpencil dari bandar2 itu, pihak Jabatan Perubatan telah berusaha dengan sa-berapa daya untuk mengadakan lawatan2 ka-kampung2 di-pendalaman negeri.

Satu daripada perkara yang penting yang di-usahakan oleh Jabatan Perubatan pada masa ini ialah menjaga kesehatan ra'ayat.

Kerajaan telah memberi ketumpukan kepada penduduk2 yang jauh dari rumah sakit dan klinik dengan mengadakan rombongan perubatan yang menggunakan helikopter.

Rombongan perubatan helikopter ini dapat bergerak dengan cepat-nya dari satu tempat ka-satu tempat yang lain. Sa-orang doktor dan beberapa orang juru2 rawat yang terlatih telah di-tugaskan untuk berkhidmat dengan rombongan perubatan itu.

Dengan ada-nya rombongan seperti ini penduduk2 di-pendalaman tidak-lah bersusah payah lagi pergi ka-rumah2 sakit atau klinik yang jauh dari tempat mereka untuk mendapatkan ubat dan sa-bagai-nya.

Mereka tidak khuatir lagi tentang kesehatan mereka sebab usaha2 dan kemudahan2 bagi memeriksa kesehatan penduduk2 yang diam di-pendalaman itu telah di-adakan.

Pihak perubatan telah pun mengator ranchangan-nya untuk membuat lawatan2 ka-tempat2 yang terpencil pada masa2 yang tertentu.

Kanak2 sekolah akan diperiksa, ibu2 yang mengandung akan di-berikan penerangan2 supaya menjaga kesehatan mereka, orang2 yang sedang sakit akan di-beri rawatan ubat dan suntikan untuk menchegeh penyakit dari merebak.

Semua-nya ini ada-lah di-beri dengan perchuma oleh Kerajaan.

PEMBENAAN KLINIK2 BARU

Di-samping itu kerajaan juga sedang berusaha untuk membena beberapa buah klinik di-kawasan2 yang tertentu supaya penduduk2 di-sekitar-nya akan senang mendapat ubat pada bila2 masa sahaja.

Dengan segala kemudahan yang di-sediakan ini dapat-lah nanti penduduk2 di-pendalaman negeri pergi ka-klinik2 yang berhampiran dengan mereka. Ini ada-lah satu daripada kemudahan2 yang di-adakan supaya ra'ayat tidak bersusah payah lagi pergi ber-batu2 dan berjam2 berjalan untuk mendapatkan rawatan.

Kerajaan sekarang sedang menumpukan perhatian dan usaha yang rapi terhadap kesehatan penduduk2 di-pendalaman. Kita sedia maalam sa-barang penyakit yang berjangkit ada-lah sangat merbahaya kepada seluroh penduduk negeri.

Dalam usaha menghapuskan penyakit yang berjangkit ini kita hendak-lah bekerjasama. Kita mesti-lah berusaha untuk mendapatkan rawatan doktor supaya penyakit itu dapat di-kawal.

Ini-lah juga salah satu tujuan utama pihak perubatan mengadakan lawatan untuk memeriksa kesehatan penduduk2 yang diam di-pendalaman itu.

Lain-lah hal-nya dengan penduduk2 yang diam di-bandar atau pun yang berhampiran dengan rumah2 sakit. Mereka ini dengan senang sahaja pergi ka-tempat2 perubatan untuk mendapatkan rawatan yang sa-wajar-nya.

Dengan lawatan perubatan dan kesehatan itu di-pergiatkan lagi di-masa hadapan, kemungkinannya ia-lah negeri kita ini akan sa-imbang dengan negeri2 yang lebih maju perkhidmatan perubatan dan kesehatan-nya.

Dan sekarang ini telah dapat di-buktikan bahawa usaha kerajaan dalam bidang ini telah di-perluaskan lagi. Di-samping pegawai2 perubatan mengadakan lawatan2 ka-kampung2 dengan menggunakan perahu, motor-boat atau kereta, perkhidmatan melalui udara juga telah di-adakan.

Dapat-lah kita tinjau betapa besar-nya hasrat kerajaan hendak menjaga dan mengawasi kesehatan seluroh ra'ayat, bukan sahaja yang diam di-bandar, bahkan ra'ayat yang diam di-pendalaman juga telah mendapat perhatian kerana kesehatan ia-lah sumber kesejahteraan.

Ra'ayat yang sehat, ada-lah ra'ayat yang berguna untuk membangunkan negara. Kita dapat perhatikan dengan sungoh2 usaha2 kerajaan dalam bidang kesehatan ini yang berniat hendak memperbaiki kesehatan dan kesejahteraan ra'ayat.

Menilik segala keterangan2 yang di-sebutkan tadi jelas-lah bahawa kerajaan ingin memperluaskan dan memperbesarkan lagi usaha2-nya untuk memperbaiki keamanan dan kesehatan semua lapisan ra'ayat yang diam di-negeri ini.

Sa-lama rombongan perubatan yang menggunakan helikopter itu melawat dari sa-buah kampung ka-sabua kampung yang lain di-pendalaman sambutan dan kerjasama dari penduduk2 yang di-lawati itu ada-lah benar2 memuaskan.

Mereka telah memberikan kerjasama dengan pegawai2 perubatan itu. Ini ada-lah nyata kerana tiap2 rombongan perubatan yang datang dan melawat ka-tempat mereka ada-lah di-sambut dengan gembira dan rasa senang hati oleh penduduk2 kampung.

Mereka datang berduyun-duyun dan ahli2 rombongan perubatan telah melayan mereka dengan memberi apa jua yang di-perlukan. Ini telah membuktikan bahawa penduduk2 di-pendalaman itu sadar akan kepentingan kesehatan, kerana kerajaan tidak membiarkan mereka bagitu sahaja dalam bidang kesehatan.

Memang seperti telah di-nyatakan tadi pihak Jabatan Perubatan dan kerajaan mengambil berat tentang kesehatan semua lapisan ra'ayat terutama penduduk2 yang terpencil.

Orang2 yang sedang menghidap penyakit yang terok akan di-bawa dengan helikopter ka-rumah sakit besar untuk di-beri rawatan yang sewajar-nya. Penduduk2 pendalaman jangan berasa ragu atau bimbang lagi dalam perkara ini. Jabatan Perubatan yang menggunakan helikopter itu sa-tiap waktu sedia berkhidmat untuk memberi pertolongan yang di-kehendaki kerana ini ada-lah tugas yang utama Jabatan Perubatan.

Dengan jalan dan chara bagini kesehatan ra'ayat luar bandar akan sentiasa terjamin.

Chara rombongan perubatan helikopter ini ada-lah chara yang mudah sekali lebih chepat dan chergas untuk menghubungi ra'ayat yang diam di-pendalaman. Rombongan ini senang turun di-mana2 sahaja ada tanah lapang.

Sa-bagaimana telah di-nyatakan hasil tinjauan kesehatan kampung2 pendalaman ada-lah sangat2 memuaskan kerana ranchangan itu mendapat kerjasama dari kedua belah pihak baik penduduk2 yang di-lawati mau pun dari pegawai2 perubatan yang bertugas itu.

Perlu saya tegaskan sa-kali lagi bahawa klinik2 telah di-dirikan di-kawasan2 bandar seperti, Brunei, Kuala Belait, Seria, Tutong dan Bangar. Juga klinik2 telah di-dirikan di-kampung2 dan tidak kurang dari 10 buah telah di-bena di-kampung2 di-pendalaman negeri, termasuklah Pengkalan Batu, Lumapas, Batu Marang, Baru2, Labu Estate dan Batu Apoi.

Penduduk2 di-kampung2 yang di-sebutkan itu tadi dapat berhubung dengan pegawai2 perubatan untuk meminta nasehat dan rawatan yang di-kehendaki.

Sudah menjadi kenyataan bahawa tenaga yang di-perlukan, ia-lah dari badan yang sehat. Ra'ayat yang sehat ada-lah ra'ayat yang berguna untuk membangunkan negara.

Beberapa orang Pengakap2 dari Pasokan Kedua Maktab S.O.A.S., dan Kesembilan Pengakap Laut, Bandar Brunei, telah berjalan sa-jauh lebih kurang 15 batu baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Pengakap2 tersebut semasa menziarahi Makam Sultan Bolkuah - Gambar dengan chsan Guru Pengakap Pasokan Kedua Maktab S.O.A.S., Awang Sharbini M. Taha.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

DI-JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Permohonan² ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan² kosong di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

(1) PEMBANTU PENYELIDEK.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Pemohon² mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Mempunyai kelulusan sekurang²-nya dalam tingkatan V Persekolahan Menengah Kerajaan atau yang sebanding dengan-nya.
- Mahir di-dalam kedua² bahasa Melayu/Inggeris, ada mempunyai bakat dan kechenderongan dalam hal penyelidekan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji D(a) 1 - 2 - 3 - 4 - 5 D(b) 2 - 3 - 4 - 5 = \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290x20 - 370 - 380x20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

(2) PEMBANTU PERPUSTAKAAN.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Pemohon² mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Mempunyai kelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan boleh berbahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpustakaan sekurang²-nya selama satu tahun.
- Pemohon² yang tidak ada mempunyai kelayakan²

yang tersebut di-atas tetapi mempunyai kebolehan yang sebanding dengan-nya akan di-pertimbangkan juga.

Gaji: — Dalam sukatan gaji D(b) 2 - 3 - 4 - 5 \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290x20 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

(3) ATENDAN PERPUSTAKAAN.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Pemohon² mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Pemohon² mesti-lah lulus sekurang²-nya darjah VII Sekolah Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.
- Mempunyai pengetahuan dalam hal ehwal pekerjaan Atendan Perpustakaan.

Gaji: — Dalam sukatan gaji E.1 - 2 - 3 = \$183x7 - 211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 300. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Permohonan² daripada Pegawai² Kerajaan hendak-lah di-hantarkan melalui ketua² Pejabat masing² yang di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 Jun, 1965.

Latehan Penterjemah

Permohonan² ada-lah di-jemput daripada Pegawai² Kerajaan yang sedang berkhidmat dan berjawatan tetap untuk mengikuti latehan Penterjemah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur selama sekurang²-nya enam bulan atau lebih (mengikut keadaan kemajuan latehan).

Kelayakan²:

- Telah menjalani Tingkatan V dalam Sekolah Menengah.
- Mempunyai kebolehan menterjemah.

Dalam tempoh latehan, kemudahan² yang berikut akan disediakan: —

- Chalon² yang terpilih akan menerima gaji mereka seperti biasa.
- Tambang pergi balek dari Brunei ka-tempat latehan akan di-tanggung oleh Kerajaan.

- Tempat kediaman akan disediakan oleh Kerajaan dengan perchuma.
- Alaon sara hidup akan dibayar sebanyak \$150 sabulan atau \$5.00 sa-hari dan alaon perjalanan akan di-bayar sebanyak \$30 sabulan.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di-atas borang² khas yang boleh di-perolehi daripada Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka tidak lewat dari 5 Jun, 1965.

Ranchangan Menghapuskan Malaria

Permohonan² ada-lah di-jemput daripada chalon² yang sesuai yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan² kosong dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria, Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei, seperti berikut: —

(a) PENEROPONG PERCHUBAAN (1 jawatan kosong).

Kelayakan²:

- Mesti-lah lulus Darjah IV Melayu dan Form III Inggeris.
- Latehan akan di-beri kepada chalon setelah dia di-lantek.

Tugas²:

- Mengambil chontoh darah dan memereksa-nya.
- Mesti bersedia menjalani tugas di-mana² daerah dalam Negeri Brunei.
- Mesti bersedia membuat kerja menghapuskan malaria yang lain yang akan di-arah oleh Pengarah, Ranchangan Menghapuskan Malaria sebagai tambahan atau ganti tugas² di-atas.

Gaji: — Dalam sukatan \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290 - 310 - 330.

(b) PEMBUAT PETA.

(1 jawatan kosong).

Kelayakan²:

- Mesti-lah lulus Darjah IV Melayu dan Form III Inggeris.
- Mereka yang tidak mempunyai kelayakan pelajaran yang di-kehendaki di-para. 1 di-atas, tetapi mempunyai serba sedikit pengalaman membuat peta, terutama dalam Ranchangan Menghapuskan Malaria akan juga di-pertimbangkan. Keutamaan akan di-beri

kapada pemohon² yang mempunyai pengetahuan membuat peta.

- Latehan akan di-beri kepada chalon yang berjaya selepas di-lantek sekira-nya ini perlu.

Tugas²:

- Menyediakan peta² untuk Ranchangan Menghapuskan Malaria.
- Melengkapkan peta² Ranchangan Menghapuskan Malaria.
- Menjalankan tugas² yang berkaitan seperti di-kehendaki.
- Mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-mana² da'erah dalam Negeri Brunei.

Gaji: — Dalam sukatan \$211 - 220x10 - 260 - 280 - 290x20 - 330 - 350 - 370 - 380x20 - 560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan² dan pengalaman.

Permohonan² yang mesti di-isi di-atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Jun, 1965.

Permohonan² daripada pegawai² Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan masing² yang di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Penolong Penyelidek di-Pejabat Museum

Permohonan² ada-lah di-jemput dari pegawai² yang berkhidmat dalam jawatan tetap dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penolong Penyelidek di-Pejabat Museum, Brunei.

Kelayakan² dan Pengalaman:

- Umor — di-antara 18 dan 28 tahun.
- Lulus sekurang²-nya Form III Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sekurang²-nya selama tiga tahun.
- Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Adat Istiadat, Sejarah dan Ilmu Alam Negeri ini.
- Mempunyai bakat mengarang.

Gaji: — Dalam sukatan C(b) 1 - 2 \$520x20 - 540x30 - 750.

Tugas²:

Chalon mesti-lah bersedia untuk bekerja dan tinggal di-luar kawasan kerja dari masa ka-sa-masa.

Dia-nya mungkin akan di-kehendaki mengikut latehan di-luar negeri.

Permohonan² mesti-lah di-penohi dalam borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Jun, 1965, dengan melalui Ketua Jabatan masing² yang di-kehendaki menghantar laporan² sulit bersama² dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.



Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berchemar duli ka-Asrama Jururawat² Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei baharu² ini untuk mengurniakan Pingat² Palang Merah dan Sijil² Tamat Latehan kepada beberapa orang Jururawat², Bidan² dan Pembantu² Rumah Sakit. Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan majlis tersebut. Dudok di-tengah ia-lah Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, dan di-sabelah Baginda ia-lah Pegawai Perubatan Negara Brunei, Doktor P. I. Franks.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei Dan Muara: 5 USUL DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Persidangan-nya kali yang ke-dua bertempat di-Dewan Kemasharakatan pada pagi hari Sabtu 29 Mei, 1965.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar, telah memimpin persidangan tersebut.

Majlis itu di-mulai dengan bacaan Do'a Selamat oleh Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Kemudian Awang Haji Mohamed Zain, ia-itu sa-orang Ahli Yang Di-Lantek oleh Kerajaan telah mengangkat sumpah, kerana pada masa di-adakan persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei pada 28 April, 1965, beliau berada di-Tanah Suchi untuk menunaikan fardhu Haji.

Majlis itu telah meluluskan minit² mashuarat kali yang pertama dengan sa-bulat suara.

Dalam persidangan tersebut, Majlis itu telah meluluskan semua lima usul dengan mengadakan pindaan².

Usul² yang telah di-luluskan itu ada-lah saperti berikut:

Usul oleh Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad, Wakil Kawasan Kilanas, berbunyi: "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang hari ini mempersetujui menasehatkan Kerajaan bagi meluluskan lima lot kedai kelas dua untuk ra'ayat Sultan yang bermastautin di-kawasan dari Batu 4 hingga ka-Batu 7, Jalan Tutong.

Usul oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Awang Sunggoh, Wakil Kawasan Pintu Malim, berbunyi: "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang hari ini mempersetujui menasehatkan Kerajaan bagi meluluskan usul untuk

melaksanakan pembinaan jalan raya luar bandar menghubungkan Kampong Kota Batu, Pelambaian, Serdang dan Subok dengan sa-cepat²-nya.

Usul oleh Yang Mulia Pengiran Mohamed bin Pengiran Lahab, Wakil Kawasan Raja Muda, berbunyi: "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang hari ini mempersetujui menasehatkan Kerajaan bagi meluluskan usul untuk menyambong paip² ayer ka-Kampung Sungai Kebun, serta menambah bekalan ayer ka-Kampung Ayer dengan sa-lekas²-nya.

Usul oleh Yang Mulia Awang Mohamed Taib bin Haji Mohamed Salleh, Wakil Kawasan Sungai Kedayan, berbunyi: "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang hari ini mempersetujui menasehatkan Kerajaan bagi meluluskan usul untuk menyambongkan jambatan dari Kampong Pemancha Lama ka-Kampung Ujong Tanjong; dari Kampong Saba ka-Kampung Burong Pingai dan dari Kampong Tamoi Ujong ka-Kampung Pemancha Lama.

Usul oleh Yang Mulia Awang Abu Bakar bin Salleh, Wakil Kawasan Peramu, berbunyi: "Bahawa Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang bersidang hari ini mempersetujui menasehatkan Kerajaan bagi meluluskan usul untuk memberi peluang kepada Ahli² Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dan juga sa-bilangan ra'ayat yang chenderong dan usaha, dalam usaha perkembangan dan kemajuan, melawat ka-luar negeri mengambil contoh untuk perkembangan luar bandar bagi Negeri Brunei".

Sa-lepas Usul² tersebut di-luluskan, Pengerusi Majlis itu, Awang Ali bin Awang Besar telah mengucapkan berbanyak² terima kasih atas kerjasama Ahli² Majlis Mashuarat tersebut untuk menjayakan persidangan yang telah di-adakan pada hari Sabtu yang lalu itu.

D.Y.M.M. AKAN MERASMIKAN PEMBUKAAN PERJUMPAAN AHLI² J.K. MASJID² DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan merasmikan pembukaan Perjumpaan Ahli² Jawatan Kuasa Masjid² Daerah Brunei dan Muara, di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pukul 10 pagi hari Ahad 6 Jun, 1965.

Persidangan tersebut akan di-mulai pada pukul 1-30 petang hari itu dan beberapa kertas kerja akan di-binchangkan dalam persidangan itu.

MENINGGAL DUNIA DI-MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Dengan sedih-nya di-beritakan bahawa dua orang jema'ah Haji dari Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi pada tahun ini telah meninggal dunia sa-lepas menunaikan fardhu Haji.

Mereka ia-lah Dayang Hajjah Damit binte Monok, berumur 75 tahun dari Kampong Tanah Jambu, Batu 10, Jalan Muara dan Dayang Hajjah Buntar binte Ya'kub, berumur 80 tahun, dari Kampong Tanjong Bukit, Daerah Brunei.

HILANG

Sementara itu, sa-orang jema'ah Haji dari Brunei telah hilang di-Tanah Suchi pada pertengahan bulan April yang lalu.

Jema'ah Haji itu ia-lah Awang Haji Tuah bin Mohamed Salleh, berumur 27 tahun, dari Kampong Saba, Brunei.

Jawatan Baru

Awang Umar bin Muhammad telah bertukar dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei mulai dari 1 April, 1965 bagi memenohi Jawatan di-Jabatan Pelajaran sebagai Penyusun Pelajaran Dewasa.

Semua perkara yang mengenai Pelajaran Dewasa Melayu dan Pengajaran Bahasa Melayu di-Sekolah² China dan Misi haruslah berhubung dengan-nya.

PERTANDINGAN TALENTIME

ANJORAN JAYCEE

SERIA. — Pertandingan Akhir Talentime di-bawah anjoran Pertubuhan Jaycee Negeri Brunei akan di-adakan di-Panggong Roxana, Seria pada malam 10 Jun, 1965.

Penyanyi² dan pemain² musik yang berjaya dalam Pertandingan² Talentime di-Bandar Brunei dan Daerah Belait akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Perkhemahan Pengakap²

GADONG. — Perkhemahan Sa-tengah Tahun, Pengakap² Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Gadong Estate, Jalan Gadong mulai pada hari Juma'at 18 Jun hingga ka-hari Ahad 20 Jun.

Berbagai² acara akan di-adakan di-perkhemahan tersebut, di-antaranya ia-lah pertunjukan wayang gambar pada malam 18 Jun dan temasha Unggun Api pada malam 19 Jun.

PERADUAN MEMBACHA AL-KURA'AN

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Membacha Al-Kura'an dan Sharahan bagi murid² Sekolah² Ugama Sa-Negeri Brunei akan di-adakan pada 24 dan 25 Jun ini mulai pukul 8-00 malam bertempat di-Pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Lebih dari 40 orang peserta yang terdiri dari wakil² sekolah² Ugama Daerah Temburong, Tutong, Belait/Seria dan Brunei/Muara akan mengambil bahagian dalam kedua² peraduan itu.

ISTIADAT PERBARISAN HARI JADI

BAGINDA QUEEN

BANDAR BRUNEI. — Satu Istiadat Perbarisan akan di-adakan di-Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu 12 Jun, 1965 sa-bagai menyambut Hari Jadi D.Y.M.M. Baginda Queen Elizabeth II.

Hari tersebut ia-lah Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.

MINGGU PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Sekolah² Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Minggu Pelajaran pada tahun ini mulai 13 Jun hingga ka-17 Jun.

Tujuan besar di-adakan sambutan tersebut ia-lah kerana memberi peluang kepada ibu bapa dan penjaga kanak² untuk menyaksikan hasil kerja anak² mereka di-sekolah dalam sa-panjang hari persekolahan.



**Minggu
Bekerja
Pengakap²
Seluruh Negeri
Brunei
29 Mei - 4 Jun**